

**PERSEPSI GURU TENTANG KEBERKESANAN PROGRAM
PERKEMBANGAN STAF (PPS)**

ANOY BINTI ABU BAKAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PERSEPSI GURU TENTANG KEBERKESANAN
PROGRAM PERKEMBANGAN STAF (PPS)**

ANOY BINTI ABU BAKAR

Laporan Projek ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana (Psikologi Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2009

DEDIKASI

*Buat suami tersayang,
Hj Zaid bin Abidin
Yang sentiasa memberikan dorongan dan motivasi
Terima kasih atas segala pengorbananmu*

*Buat ibu tercinta,
Allahyarhamah Hajah Uyam binti Hj A. Rahman
Engkaulah sumber inspirasiku,
Doa mu sentiasa mengiringi kejayaan ku
Namun... kau telah pergi sebelum sempat melihat kejayaan ku
Semuga rohmu dicucuri RahmatNya...*

*Buat anak-anakku yang sentiasa sabar menanti,
Nurhafizah, Nurhidayah dan Luqman Hakiem
Jadikan jalan yang ibu rintis ini sebagai panduan, teladan, pedoman
serta asas kejayaan kalian*

*Buat semua adik-beradikku,
Rubiah, Azizah, Hamzah, Razak, Esa, Ishak, Isham dan Hanif
Budi kalian tetap ku kenang hingga ke akhir hayat,*

*Buat rakan-rakanku,
Vijaya, Farrah, Zakiah, Faridah, Naimah, Suraya, Zainab, Ani, Aton, Nani,
Siti
Segala pertolongan dan galakan kalian amat ku sanjung tinggi,
Semuga Allah Sentiasa Memelihara, Melindungi dan Membalas
budi dan jasa kalian....*

Amin Ya Rabbal A'lamin.....

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya, maka projek penyelidikan ini dapat disiapkan bagi memenuhi penganugerahan Sarjana Psikologi Pendidikan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada **Dr. Azlina binti Mohd Kosnin** selaku penyelia Projek Sarjana ini atas segala dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar, bantuan, dan nasihat yang diberikan tanpa jemu sepanjang tempoh menjalankan kajian ini. Semoga Allah s.w.t membalas segala budi dan jasanya..... Amin Ya Rabbal A’lamin.

Terima kasih juga diucapkan kepada Dr Yeo Kee Jiar dan Dr Yusof Boon yang telah memberi dorongan dan motivasi agar projek ini disiapkan dalam semester ini.

Penghargaan juga kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rahmat, Johor Bahru diatas kerjasama yang diberikan. Ucapan terima kasih juga kepada guru-guru yang terlibat untuk menjawab soal selidik ini kerana sudi membantu untuk melaksanakan kajian ini.

Buat suami dan anak-anak tersayang, terima kasih atas segala pengorbanan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, terimakasih atas segala dorongan dan bantuan.

Semoga Allah s.w.t melimpahkan rahmatNya ke atas kita semua. Amin.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru tentang keberkesanan program perkembangan staf (PPS). Kajian ini memfokuskan kepada sembilan persoalan kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik untuk meninjau persepsi guru tentang keberkesanan PPS. Tahap PPS dikaji daripada aspek yang berkaitan dengan kemahiran mengajar guru, perkembangan guru dan motivasi guru. Seramai 85 orang guru dari SMK Sri Rahmat, Johor Bahru telah terpilih sebagai responden. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS 13.0) untuk mendapatkan frekuensi, min, dan sisihan piawai manakala ujian-t, dan ANOVA digunakan untuk menganalisis hipotesis. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi guru tentang keberkesanan PPS dalam meningkatkan kemahiran guru berada di tahap sederhana. Persepsi guru tentang keberkesanan PPS dalam memenuhi keperluan perkembangan guru serta meningkatkan motivasi guru pula berada pada tahap yang tinggi. Dapatan turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan wanita dan pengalaman mengajar mereka dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru, memenuhi keperluan perkembangan guru dan meningkatkan motivasi guru.

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate teachers' perception on the effectiveness of staff development programme (PPS). This study is focused on nine research questions. The research instrument used is questionnaire to observe the teachers' perception on the effectiveness of PPS. The PPS level is studied from aspects related to teachers' teaching skill, teachers' growth need and teachers' motivation. A total of 85 teachers from SMK Sri Rahmat, Johor Bahru are chosen to be the respondents. Data that has been collected is analyzed using *Statistical Package for The Social Science* (SPSS 13.0) to find the mean, frequency and standard deviation, while t-test and ANOVA are used to analyze the hypothesis. The findings showed that the teachers' perception on the effectiveness of PPS to increase the teachers' teaching skill was moderate. Meanwhile, the teachers' perception on the effectiveness of PPS to fulfill the teachers' growth need and to enhance the teachers' motivation was high. As for the hypothesis, there are no significant differences between the male and female teachers on their perception towards the effectiveness of PPS in increasing the teachers' teaching skill, teachers' growth need and teachers' motivation. Apart from that, there are no significant differences between the teachers' teaching experiences and their perception on the effectiveness of PPS in increasing the teachers' teaching skill, teachers' growth need and teachers' motivation.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	vi
	PENGHARGAAN	ix
	ABSTRAK	x
	ABSTRACT	xi
	KANDUNGAN	xii
	SENARAI JADUAL	xvii
	SENARAI RAJAH	xix

BAB 1	PENDAHULUAN	
--------------	--------------------	--

	1.1	Pengenalan	1
	1.2	Latar Belakang Masalah	4
	1.3	Penyataan Masalah	8
	1.4	Objektif Kajian	9
	1.5	Persoalan Kajian	10
	1.6	Hipotesis	11
	1.7	Kepentingan Kajian	12
	1.8	Batasan Kajian	13
	1.9	Definisi istilah	14

1.10	Penutup	16
------	---------	----

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Konsep Program Perkembangan Staf (PPS)	18
2.3	Amalan PPS Secara Tradisional	20
2.4	Status PPS Semasa	21
2.5	Definisi PPS Berkualiti	21
2.6	Kepentingan Program Pembangunan Staf	
2.6.1	Meningkatkan Profesion Perguruan	22
2.6.2	PPS Membantu Guru Yang Baru	23
2.6.3	PPS Membantu Guru-Guru Yang Berpengalaman	23
2.7	Peranan PPS Dalam Pembelajaran Pelajar	25
2.8	Peranan PPS Dalam Keperluan Perkembangan Profesionalisme Guru	32
2.9	Ciri-ciri PPS yang berkesan	33
2.10	Kajian tentan keberkesanan PPS	35
2.11	Rumusan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	37
3.2	Rekabentuk kajian	37
3.3	Tempat Kajian	38
3.4	Teknik Persampelan	38
3.4.1	Responden	38
3.4.2	Persampelan	39
3.5	Instrumen kajian	39
3.6	Kajian Rintis	43
3.7	Pentadbiran Soal Selidik	44
3.8	Kaedah Penganalisan Data	45
3.9	Penutup	47

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	48
4.2	Ciri-Ciri Demografi Responden	49
4.2.1	Tahap Pendidikan	49
4.2.2	Pengalaman Mengajar	50
4.2.3	Jantina	51
4.2.4	Bangsa	51
4.2.5	Umur	52
4.2.6	Status Perkahwinan	52
4.2.7	Pendapatan	53
4.2.8	Latihan Dalam Perkhidmatan Yang Pernah Dihadiri Sepanjang Perkhidmatan	54

4.3	Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf (PPS)	55
4.3.1	Kemahiran Guru	55
4.3.2	Perkembangan Guru	57
4.3.3	Motivasi Guru	59
4.4	Tahap Penerimaan Responden Bagi Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf (PPS)	61
4.5	Analisis Ujian-T Antara Guru Lelaki Dan Wanita Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS	63
4.5.1	Analisis Ujian-t Antara Guru Lelaki Dan Wanita Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS Bagi Faktor Kemahiran Guru	63
4.5.2	Analisis Ujian-T Antara Guru Lelaki Dan Wanita Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS Bagi Faktor Perkembangan Guru	64
4.5.3	Analisis Ujian-t Antara Guru Lelaki Dan Wanita Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS Bagi Faktor Motivasi Guru	64
4.6	Analisis ANOVA Sehala Antara Pengalaman Mengajar Guru Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS	65
4.6.1	Analisis ANOVA Sehala Antara Pengalaman Mengajar Guru Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS bagi Faktor Kemahiran Guru	65
4.6.2	Analisis ANOVA Sehala Antara Pengalaman Mengajar Guru Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS bagi Faktor Perkembangan Guru	66

4.6.3	Analisis ANOVA Sehalu Antara Pengalaman Mengajar Guru Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS bagi Faktor Motivasi Guru	67
4.7	Rumusan	68
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	69
5.2	Rumusan Kajian	70
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	71
5.3.1	Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf terhadap peningkatan kemahiran mengajar	71
5.3.2	Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf terhadap keperluan perkembangan guru	74
5.3.3	Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf terhadap peningkatan motivasi guru	76
5.4	Cadangan Kajian	78
5.4.1	Cadangan kepada Guru-guru	78
5.4.2	Cadangan Kepada Pengetuan dan Pihak Pentadbir Sekolah	79
5.4.3	Cadangan Kepada PPD, JPN, KPM	80
5.4.4	Cadangan Lanjutan	80
5.5	Penutup	81
	RUJUKAN	82
	LAMPIRAN	88

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.2	Pembinaan soal selidik berdasarkan skala lima mata likert.	41
3.3	Item Soalan Mengikut Kriteria	42
3.4	Perlaksanaan Kaedah Skala Likert	42
3.5	Nilai Alpha bagi setiap objektif kajian	44
3.6	Analisa Tahap Mengikut Min	46
4.1	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Tahap Pendidikan	49
4.2	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Pengalaman Mengajar	50
4.3	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Jantina	51
4.4	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Bangsa	51
4.5	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Umur	52
4.6	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Status Perkahwinan	52
4.7	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Pendapatan	53
4.8	Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut Latihan Dalam Perkhidmatan Yang Pernah Dihadiri Sepanjang Perkhidmatan	54

4.9	Taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai responden mengikut kemahiran guru	56
4.10	Taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai responden mengikut perkembangan guru	58
4.11	Taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai responden mengikut motivasi guru	59
4.12	Tahap Penerimaan Responden Bagi Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf (PPS)	61
4.13	Analisis Ujian-t Antara Guru Lelaki Dan Wanita Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS Bagi Faktor Kemahiran Guru	63
4.14	Analisis Ujian-t Antara Guru Lelaki Dan Wanita Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS Bagi Faktor Perkembangan Guru	64
4.15	Analisis Ujian-t Antara Guru Lelaki Dan Wanita Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS Bagi Faktor Motivasi Guru	64
4.16	Analisis ANOVA Sehalu Antara Pengalaman Mengajar Guru Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS bagi Faktor Kemahiran Guru	65
4.17	Analisis ANOVA Sehalu Antara Pengalaman Mengajar Guru Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS bagi Faktor Perkembangan Guru	66
4.18	Analisis ANOVA Sehalu Antara Pengalaman Mengajar Guru Dalam Persepsi Mereka Terhadap PPS bagi Faktor Motivasi Guru	67

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Hierarki keperluan Maslow	26
2.2	Model Perkembangan Staf	32
4.1	Tahap Penerimaan Responden Bagi Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf (PPS)	62

SENARAI SINGKATAN

PPS	-	Program Perkembangan Staf
BBM	-	Bahan Bantu mengajar
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
ICT	-	Information and communication technology (Teknologi Maklumat dan komunikasi)
P&P	-	Pengajaran dan pembelajaran
PIBG	-	Persatuan Ibubapa dan Guru
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
AS	-	Agak Setuju
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
SP	-	Sisihan Piawai

SENARAI SIMBOL

SIMBOL	KETERANGAN
%	Peratus
f	Frekuensi
α	<i>Cronbach Alpha</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	89
B	Senarai nama guru SMK Sri Rahmat	95
C	Surat Pengesahan dari Fakulti Pendidikan	97

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah negara khasnya dalam menghasilkan tenaga manusia yang menepati keperluan pelbagai bidang dalam memajukan negara. Di samping itu, pendidikan juga berperanan membentuk corak dan mutu kehidupan manusia. Kualiti sistem pendidikan negara adalah penting dengan penekanan untuk melahirkan bangsa Malaysia sebagai generasi yang bijak, mulia dan berakhlak selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu “Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi (JERI) berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara...”

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996)

Dalam usaha kerajaan untuk merealisasikan FPK tersebut, Y.A.B Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 pada 16 Januari 2007. Matlamat utama PIPP adalah untuk melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat martabat sistem pendidikan negara di mata dunia. PIPP menggariskan enam teras strategik untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, produktif dan kreatif ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Memartabatkan profesion keguruan merupakan teras yang kelima dalam pelan tersebut (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, edisi pelancaran).

Pembentukan sebuah negara yang cemerlang dan pencapaian Wawasan 2020 bergantung penuh kepada satu sistem pendidikan negara yang mantap. Pendidik merupakan golongan yang berada di barisan paling hadapan dalam pelaksanaan sistem pendidikan ini dan memastikan kejayaan dasar pendidikan negara. Usaha KPM dan kerajaan dalam memartabatkan profesion keguruan berkait rapat dengan guru berkualiti dan hasrat murni KPM untuk memastikan guru berkualiti ini kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan mereka (YB Dato' Sri Hishamuddin Tun Hussein, PIPP 2006-2010).

Tugas, tanggungjawab dan peranan guru hari ini adalah lebih berat serta kompleks akibat daripada perkembangan pendidikan negara yang pesat. Sebagai pendidik, guru haruslah menyedari tugas dan amanah yang diserahkan kepadanya untuk mendidik generasi yang akan menjadi insan berguna di dalam masyarakat. Perubahan sistem pendidikan yang pesat dalam dekad 90-an, memerlukan guru mereformasikan diri ke arah pandangan, sikap dan daya usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang canggih, demi meningkatkan keupayaan dan prestasinya dalam bidang kerja yang kian mencabar.

Ekoran daripada reformasi pendidikan yang dilancarkan, tugas dan kerja guru hari ini tidak sama seperti masa lalu (Mok, 2007). Guru masa kini berperanan sebagai pembimbing, fasilitator dan pemberi rangsangan dalam bilik darjah. Tugasnya bukan

sahaja mengajar ilmu pengetahuan, malah berusaha mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi; mendidik murid supaya menjadi insan yang berilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran pengurusan ICT, serta berakhlak mulia, berani dan sanggup menghadapi cabaran hidup serta berguna untuk pembangunan negara (Wawasan 2020, YB. Tun Dr. Mahathir , 1991).

Untuk menghadapi cabaran dan tuntutan daripada perubahan strategi P&P dalam bilik darjah supaya memainkan peranannya dengan lebih berkesan, guru perlu meningkatkan kualiti diri dari semasa ke semasa. Guru berkualiti mampu melahirkan pelajar berilmu dan berketrampilan yang bakal menjadi warga negara yang dapat memimpin dan membentuk negara cemerlang, gemilang dan terbilang di persada dunia. Bagi menjamin seseorang guru kekal berkualiti sepanjang masa, guru harus sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan mengemaskini ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar.

Guru yang berkualiti juga merupakan guru yang sentiasa berusaha memperkembangkan profesion keguruannya melalui pendidikan sepanjang hayat kerana faktor pendidikan itu sendiri mengalami pelbagai perubahan. Peningkatan profesionalisme guru ini seterusnya akan memperbaiki pencapaian pelajar dan meningkatkan kecemerlangan sekolah. Dalam sistem pendidikan yang menitikberatkan akauntabiliti berasaskan pencapaian pelajar, peningkatan dan kemajuan sekolah secara berterusan melambangkan peningkatan kepelbagaian corak pengajaran dan menggalakkan proses pembelajaran secara besar-besaran yang dihasilkan melalui peningkatan profesionalisme guru. Matlamat akauntabiliti berasaskan pencapaian adalah untuk menambahbaikkan kualiti pembelajaran pelajar dan meningkatkan prestasi sekolah. Peningkatan pendidikan juga memerlukan pelaburan dalam perkembangan dan pembangunan para pendidik. Guru merupakan tonggak utama dalam apa juga kemajuan sekolah (Stonge, 1997). Justeru, pendidikan guru haruslah diutamakan dalam segala usaha meningkatkan kemajuan pendidikan dalam masyarakat (Skyes, 1996).

Menurut Duke (1993), "*a profession is never mastered, it can only be developed*". Justeru, usaha-usaha dan pelaburan ke arah mempertingkatkan dan memperkembangkan kualiti guru di semua peringkat harus dititikberatkan. Beberapa langkah telah dan akan dilakukan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan ke arah penambahbaikan berterusan. Antaranya adalah meningkatkan ilmu melalui kursus, seminar, perkongsian ilmu atau perbincangan, pembacaan, dan amalan pendidikan sepanjang hayat.

1.2 Latar belakang masalah

Perkembangan profesionalisme guru merupakan satu aspek penting dalam usaha kerajaan untuk memartabatkan profesion perguruan seperti yang terkandung dalam PIPP 2006-2010.

Guru merupakan pemangkin wadah perjuangan untuk pelajar membina daya pemikiran yang analitikal, kritis dan kreatif bagi membentuk individu-individu yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh yang demikian, guru itu sendiri harus memperlengkapkan diri dengan menguasai kemahiran dan pengetahuan yang terkini untuk menjalankan tugas mereka. Justeru, guru harus meningkatkan profesionalisme diri masing-masing melalui PPS yang disediakan di sekolah. Profesionalisme diri merupakan hasil daripada suatu proses pemikiran profesional dan tindakan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam proses ini, guru menyemak semula, memperbaharui dan melanjutkan komitmen mereka sebagai agen perubahan terhadap tujuan pengajaran; mereka juga menguasai dan memperkembangkan secara kritikal pengetahuan, kemahiran, serta kecerdasan pelbagai yang diperlukan dalam pengajaran (Day, 1999).

Salah satu dimensi profesionalisme ialah kerelaan untuk melanjutkan pemahaman mereka terhadap pengajaran dan menghalusi kesenian mereka. Seorang guru yang

cemerlang dan berkualiti harus meneruskan pendidikannya sepanjang hayat kerana faktor pendidikan sendiri mengalami pelbagai perubahan. Istilah-istilah baru, kaedah pengajaran-pembelajaran yang terkini, teknik-teknik pengajaran, inovasi dan penggunaan ICT dalam pendidikan adalah beberapa contoh perubahan yang signifikan dalam pendidikan. Antara strategi yang membolehkan peningkatan profesionalisme termasuklah melibatkan diri dalam latihan dalaman, kursus pendek kelolaan sekolah, penyelidikan tindakan, sistem pementoran, kerjasama kolaborasi, dan kursus ICT yang terkandung dalam program perkembangan staf atau PPS (Esah, 2003). Apabila guru melibatkan diri dalam PPS yang berkualiti, secara tidak langsung motivasi mereka untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan akan meningkat dan perkembangan profesionalismenya turut meningkat. Guru juga dapat meningkatkan kompetensi dalam profesion dan memperkukuh profesionalisme diri selain mengembangkan potensi diri ke tahap yang diinginkan. Keperluan-keperluan ini dapat dipenuhi melalui peluang perkembangan yang berkualiti (Miller, Smith, & Tilstone, 1998).

PPS yang berkualiti seharusnya bermatlamat, kolaboratif melibatkan perkongsian pengetahuan di kalangan guru, kekal dan intensif, serta mengandungi elemen pemantauan dan penilaian (Darling-Hammond, 1997). PPS yang berkualiti merupakan asset yang paling berharga bagi guru dan pentadbir. Keberkesanannya dapat dilihat melalui peningkatan kompetensi, motivasi dan efikasi guru serta peningkatan pembelajaran pelajar (Owens, 1991). Apabila guru menyertai PPS yang berkesan, guru tersebut dapat meningkatkan sikap yang positif untuk mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang baru. Sikap positif terhadap pengajarannya sendiri secara langsung dapat meningkatkan kebertanggungjawabannya terhadap pembelajaran pelajar (Guskey, 1989). Hasilnya pula dapat diterjemahkan melalui peningkatan pencapaian pelajar (Rosenholtz & Smylie, 1984). Adakah PPS yang dijalankan di sekolah dapat memenuhi keperluan perkembangan yang diharapkan oleh guru tersebut?

Semenjak pertengahan 1980an lagi, perkembangan staf telah menjadi fokus utama pelbagai kajian (Annick, 2001). Malangnya, program perkembangan staf (PPS) biasanya adalah tidak berkesan. Menurut Guskey (1986), hampir setiap kajian ke atas

perkembangan staf yang dijalankan sepanjang tempoh tiga puluh tahun lalu menekankan secara amnya tentang ketidakberkesannya. Antara faktor yang dikenalpasti sebagai penyebab ketidakberkesanan PPS termasuklah kegagalan mengenalpasti keperluan dan kepentingan perkembangan staf, menawarkan latihan dalam perkhidmatan yang hanya sekali dan tiada aktiviti susulan. Walaubagaimanapun, PPS yang berkesan akan diperolehi dengan menyediakan perancangan dan pentaksiran yang sistematik.

Dalam tahun 90an, perkembangan staf mula mendapat tempat dalam agenda pendidikan negara (Mok, 2007). Pada masa kini, perkembangan profesionalisme guru dilihat sebagai faktor penting dalam kejayaan pelajar dan kejayaan sekolah secara amnya (Hirsh, 2003B; Kelleher, 2003; Richardson, 2002; USDE, 2003).

Dalam kepelbagaian usaha ke arah memartabatkan profesion perguruan, kerajaan telah mengeluarkan pekeliling perkhidmatan bilangan 6 tahun 2005 yang mewajibkan setiap guru menghadiri kursus, latihan, atau program perkembangan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari atau 42 jam dalam setahun, agar guru dapat memperluaskan diri dengan pelbagai kaedah P&P terkini dalam bilik darjah, teknik-teknik pengajaran yang kreatif dan inovatif serta penggunaan ICT dalam pendidikan selaras dengan perubahan semasa dalam pendidikan. Bagi memenuhi kehendak pekeliling tersebut, program perkembangan staf (PPS) telah diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan di sekolah. Ia merupakan satu proses latihan untuk meningkatkan kualiti guru dalam proses P&P khasnya serta memantapkan kemahiran menjalankan tugas amnya. PPS juga dapat meningkatkan kemahiran guru dalam bidang tertentu seperti penggunaan BBM yang lebih canggih, kemahiran di bidang ICT, dan pengurusan bilik darjah. Di samping itu, PPS juga menjadi medan untuk meningkatkan serta mengukuhkan pengetahuan tentang tugas, kemahiran, sikap, serta menjurus kepada peningkatan pembangunan guru menerusi kebolehan yang dikembangkan.

Sehubungan ini, keberkesanan Program Perkembangan Staf (PPS) yang dijalankan di sekolah dilihat sebagai wadah yang amat bersesuaian dan mampu membantu ke arah mencapai matlamat yang diharapkan. Segala pengetahuan dan kemahiran yang

diperolehi oleh guru selepas mengikuti PPS dapat mempertingkatkan keupayaan dan prestasinya dalam bidang pendidikan yang kian kompleks, canggih dan mencabar serta memberikan manfaat kepada kejayaan pelajar dan seterusnya meningkatkan prestasi sekolah (*National Foundation for the Improvement of Education [NFEI], USA, 1996*).

Menurut Elmore (2002), sesungguhnya PPS yang berkesan amatlah bermanfaat kepada para guru dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pendidikan sekolah. Guru-guru mendapat manfaat melalui PPS yang berkesan apabila ada peningkatan dalam kemahiran mengajar, motivasi, kompetensi dan keperluan perkembangan guru. Pihak pentadbir sekolah memperolehi guru-guru yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah, manakala pengetua pula secara tidak langsung mendapat faedah melalui PPS yang berkesan melalui peningkatan P&P guru serta pencapaian pelajar. Pihak PPD dan JPN juga mendapat kesannya apabila gred purata pencapaian sekolah meningkat akibat daripada peningkatan kemahiran P&P guru. Oleh yang demikian, PPS yang berkesan menjadi batu loncatan untuk mengubah individu serta seluruh organisasi sekolah ke arah peningkatan yang diterjemahkan melalui kemajuan pencapaian pelajar.

Menurut Guskey (1989), pembelajaran pelajar adalah matlamat yang ingin dicapai melalui PPS, justeru PPS yang berkesan adalah amat berharga kepada para pelajar. Apabila guru mengikuti PPS yang berkesan, mereka meletakkan harapan yang tinggi ke atas pembelajaran sendiri dan seterusnya diagihkan kepada para pelajarnya. Sikap yang positif terhadap pengajarannya akan lebih terserlah apabila guru dapat mengaplikasi ilmu dan kemahiran yang baru diperolehinya dalam PPS. Sikap yang sedemikian ini akan menjurus kepada peningkatan tanggungjawab guru terhadap pembelajaran pelajarnya (Guskey, 1989). Secara tidak langsung, guru akan memindahkan maklumat yang baru diperolehinya ke dalam pedagogi dan P&P, seterusnya dapat menyediakan maklumat terkini tentang ilmu, kemahiran dan teori kepada para pelajarnya. Hal ini sedikit sebanyak mengakibatkan tahap pertumbuhan, perkembangan dan pencapaian pelajar meningkat (Rosenholtz & Smylie, 1984).

1.3 Pernyataan masalah

Perkembangan profesionalisme guru merupakan kunci ke arah memartabatkan profesion keguruan (PIPP 2006-2010). Kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah sangat bergantung kepada kualiti stafnya yang meliputi pelbagai aspek termasuk kemahiran, pengetahuan, keperluan perkembangan dan motivasi. Pelbagai program perkembangan staf telah dilaksanakan di sekolah-sekolah sepanjang tahun 2008 mengikut keperluan guru selaras dengan perubahan terkini dalam pendidikan negara demi memartabatkan profesionalisme guru dan seterusnya mencapai visi sekolah yang telah ditetapkan. Kajian ini dilakukan bagi meninjau persepsi guru tentang sejauh mana PPS yang telah dilaksanakan di SMK Sri Rahmat memberi kesan ke atas tiga bidang profesionalisme: meningkatkan kemahiran P&P guru, memenuhi keperluan perkembangan guru, dan meningkatkan motivasi guru.

1.4 Objektif kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk :

1. Mengenalpasti persepsi guru tentang sejauh mana PPS yang dilaksanakan dapat meningkatkan kemahiran mengajar guru.
2. Mengenalpasti persepsi guru tentang sejauh mana PPS yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan perkembangan guru.
3. Mengenalpasti persepsi guru tentang sejauh mana PPS yang dilaksanakan dapat meningkatkan motivasi guru .
4. Untuk mengenalpasti perbezaan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru
5. Untuk mengenalpasti perbezaan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam memenuhi keperluan perkembangan guru
6. Untuk mengenalpasti perbezaan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan motivasi guru
7. Untuk mengenalpasti perbezaan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru
8. Untuk mengenalpasti perbezaan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam memenuhi keperluan perkembangan guru
9. Untuk mengenalpasti perbezaan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan motivasi guru

1.5 Persoalan kajian

1. Apakah persepsi guru tentang keberkesanan PPS terhadap peningkatan kemahiran mengajar guru ?
2. Apakah persepsi guru tentang keberkesanan PPS terhadap keperluan perkembangan guru?
3. Apakah persepsi guru tentang keberkesanan PPS terhadap peningkatan motivasi guru?
4. Adakah terdapat perbezaan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru
5. Adakah terdapat perbezaan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam memenuhi keperluan perkembangan guru
6. Adakah terdapat perbezaan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan motivasi guru
7. Adakah terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru
8. Adakah terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam memenuhi keperluan perkembangan guru
9. Adakah terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan motivasi guru

1.6 Hipotesis

- Hipotesis nol 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru
- Hipotesis nol 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam memenuhi keperluan perkembangan guru
- Hipotesis nol 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan wanita dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan motivasi guru
- Hipotesis nol 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan kemahiran mengajar guru
- Hipotesis nol 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam memenuhi keperluan perkembangan guru
- Hipotesis nol 6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dalam persepsi mereka terhadap PPS dalam meningkatkan motivasi guru

1.7 Kepentingan kajian

“As teachers we must believe in change, we must know it is possible, or we wouldn't be teaching – because education is a constant process of change. Every single time you ‘teach’ something to someone, it is ingested, something is done with it, and new human being emerges.”

(Leo Buscaglia)

Ungkapan di atas menggambarkan betapa pentingnya peranan guru sebagai penyampai ilmu dan kemahiran kepada pelajar-pelajar dan mencorak mereka. Guru diibaratkan sebagai lilin yang menyinarakan hidup pelajar. Namun sebagai guru, mereka harus peka terhadap perubahan yang berlaku dalam pendidikan. Guru sebagaimana ditakrifkan oleh Imam Al-Ghazali sebagai seseorang yang menyampaikan sesuatu yang baik, positif, kreatif atau membina kepada seseorang yang berkemampuan tanpa mengira peringkat umur walau terpaksa melalui pelbagai cara dan kaedah sekali pun tanpa mengharapkan sebarang ganjaran (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990).

Dalam era teknologi moden, perkembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran, inovasi dalam pedagogi menuntut agar guru-guru dilatih semula sepanjang perkhidmatannya. Antara caranya adalah dengan mengikuti PPS di sekolah.

Dapatan daripada kajian ini dapat membantu pihak pentadbir dan guru-guru di SMK Sri Rahmat dalam aspek-aspek berikut.

Kajian ini dapat memberi maklumbalas kepada semua yang terlibat dalam proses perancangan, pembangunan, dan pelaksanaan dalam perkembangan profesionalisme tentang persepsi guru ke atas pelaksanaan program-program pembangunan staf yang berkualiti agar program-program yang akan dijalankan kelak dapat memenuhi keperluan perkembangan guru di SMK Sri Rahmat. PPS itu juga dapat difokuskan kepada aspek-

